

**TABUNG HAJI MEMPERKASA IMPIAN HAJI RAKYAT MALAYSIA MELALUI PROGRAM BERSTRUKTUR #MENUJUISTITOAH**

*Laman sesawang dan platform digital **TH** baharu serta Kalkulator Simpanan Haji mudah diakses dan mesra pengguna antara inisiatif terbaru **TH***

**KUALA LUMPUR, 23 FEBRUARI 2026:** Susulan kelancaran dan keberkesanan proses tawaran Haji bagi musim 1447H/2026M, Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini mengumumkan komitmen baharu untuk membantu, membimbing dan menyemarakkan lebih ramai rakyat Malaysia merealisasi impian menunaikan ibadah Haji melalui program persiapan Haji, #menujuistitoah. Program pendidikan dan penglibatan digital seluruh negara ini bertujuan memastikan para pendeposit lebih bersedia ketika dijemput untuk menunaikan Haji apabila tiba masanya nanti.

Inisiatif #menujuistitoah memberi penekanan kepada pengukuhan kesiapsiagaan Haji secara menyeluruh yang merangkumi persediaan kewangan, rohani, fizikal dan mental, selaras dengan pendekatan baharu **TH** yang mengutamakan disiplin perancangan kewangan serta persediaan awal yang lebih berstruktur.

Pengerusi **TH**, Tan Sri Abdul Rashid Hussain berkata, langkah ini mencerminkan komitmen **TH** dalam membantu, membimbing dan menyokong impian Haji rakyat Malaysia menjadi kenyataan. "Misi utama Tabung Haji adalah untuk membantu para pendeposit merealisasi impian Haji mereka. Ibadah yang merupakan rukun Islam yang kelima ini menjadi impian sekali seumur hidup yang memerlukan niat yang tulus dan persediaan yang rapi. Kami percaya kami dapat melakukan sebaik mungkin untuk membantu dan berhasrat menjadikan matlamat ini lebih mudah, lebih ringkas dan lebih lancar melalui pendidikan, teknologi digital serta perkhidmatan yang diperbaharui," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, Mustakim Mohamad, memaklumkan bahawa pelbagai penambahbaikan telah dilaksanakan bagi menyokong agenda ini. "Kami telah menambah baik dan memperbaharui laman sesawang serta platform digital **TH** supaya lebih mudah diakses dan mesra pengguna. Pengenalan Kalkulator Simpanan Haji membantu orang ramai merancang simpanan secara realistik dan berstruktur," jelas beliau.

Selama lebih enam dekad, **TH** tegak berdiri bersama rakyat Malaysia dalam merealisasi hasrat menunaikan ibadah Haji. Kini, **TH** memperkukuh landasan ini dengan mempertingkatkan sistem, memperhalusi pendekatan penglibatan serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan bagi memastikan pendeposit dapat merancang matlamat menunaikan Haji dengan lebih jelas dan sistematik.

Kajian terkini **TH** menunjukkan masih terdapat sebahagian umat Islam di Malaysia yang belum memulakan simpanan Haji secara berstruktur. Bagi pendeposit sedia ada pula, perancangan lebih awal kini menjadi semakin penting, khususnya



berikutan kos Haji yang kian meningkat dan tempoh menunggu giliran Haji yang semakin panjang.

Pendekatan baharu ini memastikan **TH** kekal berdaya tahan, bertanggungjawab serta berteraskan prinsip Maqasid Shariah, dengan kepentingan pendeposit sentiasa menjadi keutamaan.

**TH** akan terus memperkukuh usaha pembaharuan ini bagi memastikan tahap kesiapsiagaan Haji sentiasa dipertingkatkan dan setiap musim Haji dapat diuruskan dengan lebih tersusun serta lancar.

Untuk maklumat lanjut mengenai perjalanan Simpanan Haji, sila layari laman sesawang rasmi Tabung Haji.

### **-TAMAT-**

Untuk maklumat lanjut media, sila hubungi :

Mohamad Naser Jaffar - **019 200 8438** / Sobree Zainal - **019 545 7445** / Alisha Nur- **019 6751762**

Pusat Panggilan TH (THCC) di talian +603-6207 1919 atau emel kami: [media@lth.gov.my](mailto:media@lth.gov.my) atau layari [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### **TENTANG LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah institusi Islam yang sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai kemudahan secara komprehensif dan sistematik demi kebajikan pendeposit dan Jemaah Haji Malaysia. Selain dari pengurusan simpanan patuh Shariah dan pengurusan haji yang efisien, **TH** turut menjalankan aktiviti pelaburan bagi memberi nilai tambah kepada para pendeposit.

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang tertakluk di bawah Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** ialah pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. **TH** bertekad untuk menyediakan perkhidmatan haji yang cemerlang kepada Jemaah Haji Malaysia dan rekodnya yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji yang inovatif.

**TH** mempunyai lebih daripada sembilan (9) juta pendeposit dengan 100 cawangan dan lebih 10,000 titik sentuh di seluruh negara. **TH** juga mempunyai satu pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah bidang kuasa Konsulat Malaysia.